

KEBUDAYAAN ISLAM

KEBUDAYAAN DALAM ISLAM

“Dengan adanya Islam itu satu agama yang meliputi semua kegiatan hidup manusia maka dia itu adalah di atas kebudayaan. Islamlah yang menentukan corak dan bentuk kebudayaan orang-rang Islam, bukan Islam mengikut kebudayaan mereka.” Demikian kesimpulan yang diberikan oleh Tuan Zulkifli Muhammad dalam karangannya yang berharga ini - P.Q

(Oleh: Zulkifli Muhammad)

Dalam sesuatu kesimpulan manusia yang hidup bersama-sama dalam sesuatu masa yang panjang, timbullah cara-cara membuat dan berfikir yang diterima oleh masyarakat manusia itu hingga ia itu menjadi rukun hidup mereka. Cara-cara itu, menurut ilmu kemasyarakatan, adalah dalam keseluruhannya dinamakan “kebudayaan”. Jadi, kebudayaan bukanlah buatan seseorang pada sesuatu masa bahkan iaitu bentuk kelakuan hidup yang dibuat oleh masyarakat bagi anggota-anggotanya.

Setelah terbentuknya cara-cara kelakuan itu, ia berkuat dan mendalam dalam masyarakat, dan dengan ianya bertaraf kebudayaan ia berdiri ia berdiri sendiri dan mempunyai pengaruh bukan sahaja masa terbentuknya tetapi terus menerus hingga pada turunan-turunan kemudian. Pengaruh kebudayaan kepada hidup manusia adalah sangat besar hingga ahli-ahli kemasyarakatan mengatakan bahawa kelakuan manusia adalah dibentuk kebudayaannya.

Apabila manusia lahir ke dunia di hadapannya terbentangleh tuntutan-tuntutan hidup yang berbagai ragam. Bagi memenuhi tuntutan-tuntutan itu, sekiranya manusia itu mencari-cari sendiri cara-cara yang mesti diperbuatnya maka akan habislah umurnya dengan menjawab cara-cara kelakuan dan meraba-raba jalan hidupnya dengan payahnya. Akan tetapi dengan adanya kebudayaan ia mendapat pusaka besar dengan erti kata cara membuat dan berfikir yang telah teratur dan dicubai serta diakui setelah beberapa lama. Dengan menggunakan aturan-aturan itu bukan sahaja ia akan mendapat hasil baik tetapi juga akan diterima baik oleh masyarakatnya yang pada keseluruhannya telah dipengaruhi cara-cara itu sendiri.

Masyarakat manusia, pada sesuatu masa, menerima cara-cara kebudayaan itu bukanlah kerana hanya itulah cara-cara yang terbaik dan yang telah diperiksa sesesuai dengan masa itu sendiri, tetapi kerana itulah cara yang telah ada dan diterima umum. Bukanlah jarang didapati cara-cara itu telah usang dan rapuh dimakan zaman hingga tak dapat

dikatakan baik bagi sesuatu masa yang telah berubah di dalamnya tuntutan-tuntutan dan alat-alat hidup manusia. Tetapi oleh kerana manusia itu lemah dan selalunya terbawa-bawa dengan apa yang ada sahaja maka kebudayaan, dengan cara-cara hidupnya, tetap tegal dan mempunyai pengaruh yang jarang dapat ditentang anggota masyarakat itu.

Kebudayaan manusia, dengan erti kata luasnya tadi, adalah menerbitkan tata-tata hidup bagi memenuhi kehendak-kehendak hidupnya. Dari itu timbullah tata-tata hidup berupa kerajaan, keluarga, agama, ekonomi dan pelajaran. Menerusi saluran-saluran tata hidup itulah kebudayaan menzahirkan bentuknya yang mana adalah berdiri di atas falsafah hidup golongan manusia itu. Inilah puncanya ada golongan-golongan manusia yang serupa suasana hidupnya itu mempunyai kebudayaan yang berlainan. Perbezaan adat dan cara hidup mereka itu lebihnya adalah ditimbulkan falsafah hidup mereka sendiri. Walau bagaimanapun, perbezaan itu bukanlah semestinya meletakkan berbezaan nilai kebudayaan masing-masing seperti yang dijangkakan kebanyakan orang, tetapi ia itu menandakan perbezaan sifat-sifat peribadi dan pembawaan-pembawaan antara golongan manusia. Nilai kebudayaan hendaklah diukur dengan kesanggupannya memenuhi tuntutan-tuntutan hidup manusia menurut falsafah hidupnya sendiri.

Tiap-tiap golongan manusia ada dengan kepercayaan dan falsafah hidupnya. Jadi, sekiranya sesuatu kebudayaan, yang diterbitkan falsafah hidupnya, itu berlainan dari kebudayaan lain, yang lain pula falsafah hidupnya, maka itu tiadalah bermakna iaitu rendah atau pun tinggi antara satu sama lainnya.

Hakikat ini penting benar diperhatikan sebelum terburu-buru memberi nilai lebih kepada mana-mana kebudayaan asing. Kebudayaan golongan lain mungkin lebih berguna kepada mereka menurut neraca falsafah hidup mereka, tetapi adakah cara-cara kebudayaan itu pula dapat memenuhi

tuntutan hidup kita dengan falsafahnya? Ini masih belum tentu. Inilah yang mesti kita periksa dan hati-hatikan.

Kedudukan hal ini berlainan jika hal “tamadun” kita perkatakan, kerana tamadun hanyalah bererti alat-alat hidup manusia, sedang kebudayaan adalah lebih luas hingga meliputi isi, falsafah dan akibat rohani hidup itu. Tamadun adalah menuju kemudahan-kemudahan hidup dan ketinggian tarafnya bagi kumpulan manusia. Hal ini tiadalah berbeza sangat dalam kumpulan-kumpulan manusia yang berlainan anasir dan tempatnya. Umpamanya dalam tamadun menggunakan jentera dan alat ini semua golongan manusia boleh sama menggunakannya dengan tiada merosakkan falsafah dan pegangan hidup mereka. Tetapi dalam kebudayaan, sekiranya kebudayaan campur baur antara lelaki perempuan yang dipakai dalam hidup orang-orang Barat itu digunakan orang-orang Islam tentulah iaitu mengakibatkan kejatuhan nilai budi mereka.

Jadi ada dua soal kebudayaan di hadapan kita sekarang. Pertamanya kebudayaan asing dipandang dari segi kebudayaan Melayu dan yang keduanya kebudayaan kita itu sendiri dipandang dari segi agama Islam.

Dalam soal pertama itu, bangsa Melayu ada dengan kebudayaannya, adat istiadatnya, agamanya, keseniannya serta tabiat hidupnya. Semuanya itu ditimbulkan pembawaan dirinya dan perhubungan dengan kalangan hidupnya semenjak berkurun-kurun. Kebudayaan itu berbentuk Melayu dan ada persendiriannya.

Dalam pada itu pun sedikit demi sedikit kebudayaan-kebudayaan asing yang berbagai coraknya adalah menekan kuat atas hidup kita dengan pengaruhnya, hingga banyak adat resam Melayu ditinggalkan dan ditempati adat asing dan cara yang dibentuk kebudayaan yang bukan Melayu. Bukanlah pertukaran cara-cara hidup itu terbit kerana kita yakin bahawa cara-cara asing itu lebih berguna tetapi

selalunya ialah kerana kekurangan pengalaman dan kelonggaran pegangan kita kepada kebudayaan kita sendiri.

Kelemahan ini banyak sebabnya dan yang besarnya ialah sebab-sebab politik dan rohani. Keagungan penjajahan itu telah menekan bukan sahaja hidup politik kita tetapi juga bentuk kebudayaan kita, hingga banyak dari kita yang lebih tahu dan lebih gemar kepada cara-cara kebudayaan Barat dari kebudayaan Melayu.

Adat-adat asing seperti menabur bunga di kubur, tafakur mengingati seseorang, bermajlis hari jadi, membuat dan memotong kek perkahwinan, mengkalungkan bunga malai dan lain-lain lagi adalah contoh meresapnya kebudayaan asing di dalam masyarakat kita. Dengan meresapnya adat-adat yang bukan berpuncakan kebudayaan Melayu itu mulalah kebudayaan lama kita lenyap dan kalah. Kekalahan ini adalah keruntuhan kebudayaan yang besar dan patut dibela kerana apabila sesuatu cara asing itu dapat berakar dalam hidup kita maka cara-cara Melayu itu akan hilang dengan kembalinya lagi.

Di sini timbullah soal mengawali kebudayaan Melayu. Tentang bertukar dan dipindanya kebudayaan itu tiada dapat dihairankan kerana memang begitulah tabiat kebudayaan. Kebudayaan Melayu itu sendiri berpunca dari kebudayaan-kebudayaan lain dan telah melalui perubahan-perubahan. Bukanlah berubahnya bentuk kelakuan hidup kita itu yang menjadi soal; tetapi ke mana berubahnya itulah yang mesti diperhatikan. Jika kita menceduk bentuk kebudayaan lain maka dapatkah bentuk itu memenuhi tuntutan hidup kita dengan falsafah kita sendiri? Inilah soal utama dalam membawa dan menerima perubahan dalam kebudayaan kita.

Dalam hal ini, sebenarnya, dalam kebudayaan Melayu itu sendiri ada bukan sedikit adat dan kebiasaan yang bukan sahaja tiada menyampaikan kita kepada tujuan

hidup kita bahkan juga membahagiakannya. Bukan sedikit adat yang meresap dari kebudayaan asing yang merugikan yang telah diterima dalam kebudayaan kita dengan tiada diperiksa lebih dahulu. Adat membazir dalam perkahwinan dan kematian, adat yang menunjukkan kesalahan susunan masyarakat dan kepercayaan-kepercayaan karut yang berlawanan dengan pertimbangan yang sihat dan agama adalah banyak dan masih berpengaruh dalam masyarakat kita. Kalaupun disusuri sejarah kebudayaan kita dan dicari pangkal terbitnya nescaya terdapat bahawa cara-cara itu adalah diasaskan atas falsafah asing yang tiada sesuai dengan bangsa dan keadaan hidup kita sendiri.

Dengan begitu jelaslah bahawa kebudayaan mestilah dikawal perjalanannya dan diarahkan. Membiarkan kebudayaan kita hanyut mengikut arus hidup di tengah serba cara dan corak kebudayaan itu akan semula mengulangi kerugian yang masa ini kita deritai kepahitannya.

Di sinilah timbulnya soal Islam dan kebudayaan. Di dalam agama Islam cara hidup dan berfikir memang telah diaturkan menurut ajarannya. Itulah kebudayaan yang diterima oleh Islam dan menurut garisan-garisan besar aturan dan asas itulah Islam menghendaki kelakuan hidup manusia dijalankan. Adat, bentuk kebudayaan, kesenian, dan kebiasaan tiada salahnya berlainan di masyarakat Islam di antara sesuatu golongan orang Islam dengan lainnya; tetapi dasarnya mestilah menurut Islam dan ajarannya. Penerimaan dan penolakan Islam terhadap sesuatu bentuk kelakuan hidup adalah diasaskan atas bersetuju tidaknya dengan ajarannya dan nilainya;

Dengan adanya Islam itu satu agama yang meliputi semua kegiatan hidup manusia maka ia itu adalah di atas kebudayaan. Islamlah yang menentukan corak dan bentuk kebudayaan orang-orang Islam bukan Islam mengikut kebudayaan mereka.

Ini tiada bermakna bahawa Islam tiada menyuburkan kebudayaan. Bahkan sebaliknya, dengan memeriksa dan memberi nilai kepada sesuatu bentuk kelakuan itu Islam adalah menambah mutu kewarasan kebudayaan. Dalam memberi pertimbangan kepada kebudayaan itu, Islam adalah menghormati manusia sebagai pihak yang berhak dalam kebudayaan. Kalau ada bentuk yang merugikan manusia atau merampas haknya untuk menciptakan dirinya dengan belenggu kebudayaan dan ibadah-ibadah yang berkuasa dalam masyarakat maka Islam adalah memecahkan belenggu itu dengan menyuruh manusia memeriksa tiap-tiap bentuk kebudayaan itu menurut pertimbangan Islam dan buruk baiknya.

Berdasarkan ini maka sudah pada tempatnya kita memeriksa kebudayaan Melayu satu-satunya. Adat, kebiasaan, kesenian dan bentuk hidup kita yang banyak itu penting diperiksa sebelum ditetapkan kedudukannya dalam hidup kita. Yang karut dan merugikan mesti dibuang walau berapa puluh kurun pun umurnya. Resapan dari kebudayaan asing hanya dibiarkan sekiranya ada besar faedahnya kepada umat kita menurut falsafah hidup

kita sendiri. Tentang ini sukatan untung rugi kita mestilah menurut ukuran Islam kerana perputaran hukum dan pertimbangan Islam ialah pada masalah manusia yang sejati.

Masa kita ingin berbalik kepada kebudayaan ini mustahaklah kita menggunakan pertimbangan yang bijaksana. Tiada apa gunanya menghidupkan sesuatu bentuk yang telah terpendam itu sekiranya ia itu merosakkan sama ada akhlak, kehidupan atau kesedaran kita. Sebaliknya adalah wajib kita membangunkan semula kebudayaan kita yang berguna dan disuruh Islam.

Walau bagaimanapun, janganlah kita asyik dengan berbalik kepada bentuk-bentuk kecil dari kebudayaan Melayu hingga melupakan falsafah asal yang menimbulkan bentuk itu. Dalam hidup manusia falsafah itulah yang sangat penting sedang corak itu hanyalah gambaran riaknya sahaja.

Untuk berlanggan dengan majalah-majalah Qalam, Filem dan Aneka Warna, gunakanlah borang ini. Tulis nama, alamat dengan (rumi).

Borang berlanggan	Harga langganan
	6 kali keluaran
Tuan Penguasa	Qalam \$3.60
Qalam	Filem \$2.40
356-8 Geylang Road	Aneka Warna \$3.00
Singapore 14.	

Tuan,

Bersama ini saya sertakan wang tunai M.O/M.P.O sebanyak \$..... untuk harga langganan saya majalah selama bulan mulai dari bilangan (bulan)

Yang demikian, tolonglah kirimkan majalah yang tersebut kepada saya seperti alamat yang tersebut di bawah ini. Sekianlah terima kasih.

Yang benar

Bertarikh

Nama

Alamat